Ruangan Hadith:

Solat

(Sembahyang)

(Sambungan Qalam Bilangan 202)

Para ulama golongan yang pertama (yang mengkafirkan orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang) termasuk Abdullah ibn Shafīq Al-'Aqīlī – seorang alim besar dari golongan *Tāb'īn* – yang menyatakan dengan jelas, bahawa kesemua sahabat-sahabat Nabi memandang "kufur" di atas tiap-tiap orang yang meninggalkan sembahyang.

(Oleh: Haji Munawwar Khalil)

Di antara para sahabat Nabi yang memfatwakan bahawa setiap orang Islam yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja itu adalah "kufur", termasuk Ibn 'Abbās, 'Alī ibn Abī Ṭālib, Ibn Mas'ūd dan Jābir ibn 'Abdullah.

Kata Ibn 'Abbās (r.a):

"Man taraka al-ṣalāt faqad kafara"

"Barangsiapa yang meninggalkan sembahyang, maka sungguh kufurlah ia" (Diriwayatkan oleh Muḥammad ibn Naṣār).

Kata 'Alī ibn Abī Ṭālib (r.a)

"Man lam yuṣallu fahuwa kāfir"

"Barangsiapa yang tidak mengerjakan sembahyang, maka ia kafir" (Riwayat Abū Bakar ibn Shaybah).

Kata Ibn Mas'ūd (r.a)

"Man taraka al-ṣalāta fa lā dīn lahu"

"Barangsiapa yang meninggalkan sembahyang, maka tidak ada (mempunyai) agama baginya". (Riwayat Muḥammad ibn Naṣār).

Kata Jābir ibn 'Abdullah (r.a):

"Man lam yuṣallu fa huwa kāfir"

"Barangsiapa yang tidak mengerjakan sembahyang, maka ia kafir". (Riwayat Ibn 'Abd al-Barr).

Kata Abu Darda' (.a[1]):

"Lā īmān li man lā ṣalata lahu"

"Tidak ada iman bagi orang-orang yang tidak ada sembahyang baginya" (Riwayat Ibn 'Abd al-Barr).

Kata Muḥammad ibn Naṣār al-Murūzī: Aku pernah mendengar Ishak berkata: "Bahawasanya orang yang meninggalkan sembahyang itu kufur". Dan demikian juga pendapat para ulama di masa sesudah Nabi (S.A.W): "Bahawasanya orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja, dengan tidak ada uzur sehingga luput waktunya, kafirlah ia"

Diriwayatkan dari Ḥammad ibn Zayd dari Ayyūb (r.a), bahawasanya ia berkata:

"Taraka al-ṣalāta kafara lā yukhtalifa fīhi"

"Meninggalkan sembahyang itu kufur, tidak ada khilafnya lagi tentang itu"

Kata Abū Muḥammad ibn Ḥazm: Telah datang – riwayat – dari 'Umar ibn al-Khaṭṭāb, 'Abd al-Raḥman ibn 'Awf, Mu 'ādh ibn Jabal, Abū Hurayrah dan lain-lainnya dari para sahabat Nabi:

"Inna man taraka ṣalāta farḍ wāḥidata mu'tamadan ḥatta yakhruju waqtihā fa huwa kāfir murtad"

"Bahawasanya orang yang meninggalkan satu sembahyang fardu dengan sengaja, hingga keluar waktunya, maka ia kafir murtad".

Dan tidak kami ketahui dari para sahabat yang berselisih tentang perkara ini. Kata al-Mundhurī: "Segolongan dari sahabat Nabi dan orang yang datang kemudian dari mereka itu (*Tābi'īn*) menetapkan kekufuran bagi orang-orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja, kerana meninggalkannya sehingga keluar seluruh waktunya.

Dari di antara mereka yang menghukumkan demikian itu terdiri dari para sahabat seperti: 'Umar ibn al-Khaṭṭāb, Abdullah ibn Mas'ūd, Abdullah ibn 'Abbās, Mu'ādh Jabāl, Jābir ibn Abdullah, 'Alī ibn Abī Ṭālib dan Abu al-Dardā'. Dan dari antara mereka (yang bukan sahabat Nabi) ialah: Nakhā'ī, Al-Ḥakim ibn 'Utaybah, Abu Ayyub Al-Shaykh Tijānī, Abū Dāwūd

[1] Perkataan sebenarnya adalah (r.a)



Senjata-senjata buatan Rusia dan Republik Arab Bersatu yang dapat ditangkap di tangan penyeludup-penyeludup orang-orang Yaman yang dilatih oleh Mesir untuk mengadakan kekacauan-kekacauan dan perbuatan-perbuatan jahat di negara Sa'udi.

Al-Ṭayālisī, Abū Bakar ibn Abī Shaybah dan Zahīr ibn Ḥarb.

Selanjutnya mereka mengemukakan pula hadith-hadith yang lain, yang menunjukkan kekufuran orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja, yang di dalam makalah ini tidak kami kutip kesemuanya.

Para Ulama Golongan Kedua:

Para ulama golongan kedua (yang tidak mengkafirkan orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja), mereka selain daripada mengemukakan dalil-dalil hadith dari nombor 13 hingga nombor 18, mereka mengemukakan pula hadith-hadith yang mengandungi perkataan "*kufūr*" yang mana bererti bukan *kufūr juhūd*, melainkan kufur *ni'ma* atau kufur *'amalī* sahaja sebagai takwil untuk hadith-hadith yang mengandungi perkataan "*kufūr*" bagi orang-orang yang meninggalkan sembahyang.

Di antara hadith-hadith yang dikemukakan oleh mereka itu ialah seperti yang dapat kami bentangkan di bawah ini:

"'An Ibn Mas'ūd qāla: qāla Rasūl Allah (S.A.W): sabāb al-muslim fusūq waqtālahu kufur"

Dari Ibn Mas'ūd (r.a) ia berkata: Rasulullah (S.A.W) pernah bersabda: "Mencaci-maki orang Islam itu adalah *fusūq* dan membunuhnya itu adalah kufūr". (Hadith Sahih diriwayatkan oleh Muslim).

"'An Abī Dhar innahu sami'a Rasul Allah ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam yaqūl: laysa man rajulu ad'ī li ghayri abīhi wa huwā ya'lamuhu illā kufur. wa man ad'ā mā lahu laysa lahu fa laysa minnā, wa liyatibbū muq'adahu min al-nār"

Dari Abī Dhar (r.a) bahawasanya ia pernah mendengar Rasulullah (S.A.W) bersabda: "Tidak ada dari seseorang yang mendakwakan diri kepada yang bukan dari ayahnya, padahal ia mengetahuinya, melainkan kufurlah ia; dan barangsiapa yang mendakwakan diri kepada yang bukan baginya, maka ia bukan dari golongan kami, maka hendaklah ia menyediakan tempat duduknya dalam api

neraka" (Hadith Sahih, Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

"'An Abī Hurayrah qāla: qāla Rasūl Allah ṣallā Allāhu ʿalayhi wa sallam ithnatāni fī al-nāsi humā bihim kufr. Al-Ṭa'nu fī al-nasb wa al-niyāḥah 'an al-mayt"

Dari Abī Hurayrah (r.a) ia berkata: Rasulullah (S.A.W) pernah bersabda: "Dua – macam – pada manusia, yang kedua-duanya pada mereka itu kufur, iaitu: mencela keturunan – orang lain – dan meratapi atas mayat". (Hadith Sahih Riwayat Ahmad dan Muslim).

Keterangan:

Dalam tiga hadith yang tersebut di atas jelas ada mengandungi kata-kata "*kufūr*". Kufur yang bererti "kufur nikmat" atau mengingkari akan hak kurnia dari Allah yang telah dilimpahkan ke atas hamba-Nya. Dengan yang demikian, maka perkataan "*kufūr* yang terkandung di dalam hadith tersebut bukanlah bererti kufur yang mengeluarkan seorang Islam itu dari agamanya.

Oleh sebab itu, mereka lalu mentakwilkan (menjelaskan) bahawa hadith-hadith yang bererti: "Barangsiapa yang meninggalkan sembahyang, maka sesungguhnya ia telah kufur". Tegasnya *"kufūr 'amalī"* atau suatu perbuatan kufur yang tidak sampai merosakkan iktikad dan kepercayaan, sebagaimana perbuatan seorang Islam yang membunuh saudaranya yang seagama; asalkan sahaja orang yang meninggalkan sembahyang itu masih tetap percaya dan mengakui akan kewajipan sembahyang, tidak menentangnya.

Ulama Golongan Ketiga:

Para ulama golongan ketiga, selain daripada mengemukakan dalil-dalil hadith dari nombor 13 hingga nombor 18, seperti yang dipegangi oleh para ulama golongan kedua; juga mereka membawa dan mendatangkan satu hadith yang lain, bunyinya:

"'An Abdullah ibn Mas'ūd raḍīya Allahu 'anhu qāla: qāla rasul Allah ṣallā Allāhu ʿalayhi wa sallam lā yaḥillu dam amrī'u muslim yashhadu an lā ilāha illā Allah wa innī rasul Allah illā bi aḥadā thalātha: al-shayb al-zānī wa al-nafsi bi al-nafsi wa al-tāriki lidīnihi al-mafāriq liljamā'ah"

Dari Abdullah ibn Mas'ūd (r.a): Rasulullah (S.A.W) pernah bersabda: "Tidak halal darah seorang Islam yang menyaksikan (mempercayai) bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah, dan bahawasanya saya ini Pesuruh Allah, melainkan dengan salah satu dari tiga perkara: orang lelaki yang sudah beristeri berzina, seseorang yang membunuh orang lain dan meninggalkan agamanya serta menentang jamaah."

(Hadith Sahih, Riwayat al-Bukhari dan Muslim, Abu Daud, al-Tarmizi dan al-Nasā'i)

Keterangan:

Dalam hadith di atas jelas menunjukkan bahawa orang-orang Islam yang wajib dijatuhi hukum bunuh itu, ialah lantaran salah satu dari tiga perbuatan (kesalahan). Dalam hadith ini tidak diterangkan tentang orang yang meninggalkan sembahyang fardu itu wajib dibunuh. Dengan demikian tidaklah mungkin akan ditetapkan, bahawa orang yang meninggalkan sembahyang itu, wajib dijatuhi hukuman bunuh.

Demikianlah di antara alasan-alasan yang telah dikemukakan oleh tiga golongan para ulama tentang hukum orang yang meninggalkan sembahyang fardu dengan sengaja, kerana malas atau lalai atau mempermudahkan mengerjakannya; bukan kerana menentang atau mengingkari akan kewajipannya.

Tentang wajib dibunuh atau tidaknya atas orang-orang Islam yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja, akan kita huraikan dalam bilangan yang akan datang. *in shā-Allāh*.

Harga Langganan Majalah Qalam

6 Bulan	$3.60
1 Tahun	$7.20
Senaskhah	$0.60

Termasuk belanja *post.*

Pesanlah kepada:

Penerbitan Qalam

356, Geylang Road

Singapura 14.

Sambungan dari muka (35)

Orang-orang Mesir yang beragama Kristian dipanggil "*Copt*" (Qibti) orang *Copt* berpegang kepada satu tuhan sedangkan gereja Timur Konstantinopel berpegang kepada tiga tuhan. Oleh sebab ini orang-orang *Copt* menderita penindasan kerana pihak yang berkuasa hendak memaksa kepercayaan gereja itu pada mereka. Tambahan pula pemerasan dilakukan pada negara itu untuk faedah kerajaan Byzantium.

(bersambung)